

1983

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBERIKAN ELAUN BANTUAN SEWA RUMAH KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN PERINGKAT PERTENGAHAN DAN BERPENDAPATAN RENDAH SEHINGGA KEADAAN EKONOMI PULIH SEPERTI SEDIAKALA.

+SAYA MEMINTA MAAF KERANA TIDAK DAPAT MENUNAIKAN KEHENDAK KESATUAN SEKERJA DALAM KERAJAAN TENTANG BEBERAPA TUNTUTAN TETAPI SAYA BERJANJI MASALAH KEBAJIKAN PEKERJA AKAN DIBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA BILA KEADAAN MENGIZINKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

+BERSABARLAH, DAN BERSAMA-SAMALAH KITA BERUSAHA UNTUK MENGWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BAIK, DAN BERSAMA-SAMALAH KITA BERDOA SENOGA KEADAAN EKONOMI SEGERA PULIH SUPAYA KITA DAPAT MENGATUR STRATEGI DAN PROGRAM YANG LEBIH KEMAS LAGI BAGI FAEDAH SEMUA, TERMASUK GOLONGAN PEKERJA AWAM.+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB BEBERAPA TUNTUTAN YANG DIBUAT OLEH CUEPACS YANG DITIMBULKAN OLEH PRESIDENNYA, ENCIK T. NASENDRAN, SEMASA BERUCAP DI KONVENSYEN KE-16 KONGRES ITU DI HOTEL MERLIN DI SINI.

+MASALAH ELAUN PERUMAHAN INI TELAH DIBANGKITKAN SEJAK SETAHUN LALU, DAH SAYA FIKIRKAN MENDALAM DAN BELUM HABIS BERFIKIR LAGI. TETAPI KERANA KEADAAN EKONOMI, SAYA TIDAK DAPAT MELAYANINYA LAGI.+
-- LAGI 2225/0M

MAHATHIR - ELAUN 2 KUALA LUMPUR

TAMBAH BELIAU: +MASALAH TUNTUTAN KAKITANGAN KERAJAAN, BUKAN TIDAK LEKAT DI HATI SAYA TETAPI JIKA SAYA JADI PERDANA MENTERI 1,000 TAHUN LAGIPUN, TIDAK MUNGKIN SAYA DAPAT TUNAikan SEMUANYA.+

+INSYAALLAH KITA AKAN TIMBANG KEMUNGKINAN MENYEMAK SEMULA GAJI APABILA TIBA MASANYA,+ TAMBAH BELIAU DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA PARA-PERWAKILAN KONVENSYEN.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MUSTAHIL BAGI BELIAU MELAYANI SEMUA TUNTUTAN KERAJA JIKA DILAYANI TUNTUTAN SATU PIHAK, TIMBUL LAGI SATU PIHAK YANG INGIN MENERIMA LAYANAN SAMA DAN INI SUDAH TENTU MENDATANGKAN MASALAH KEPADA KERAJAAN.

+SEBAGAI SEORANG AHLI POLITIK ADALAH PENTING BAGI SAYA TIDAK MEMBUAT SEBARANG JANJI DALAM UCAPAN.+

MALAHAN MENURUT PERDANA MENTERI BELIAU SENDIRI TELAH MENGARAHKAN SEMUA ANGGOTA BARISAN NASIONAL JANGAN MEMBUAT JANJI KOSONG UNTUK MENGELAK DIMARAHI RAKYAT APABILA TIDAK DITUNAikan.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, DARI JUMLAH HASIL KERAJAAN PESEKUTUAN, SEBANYAK \$16.7 RIBU JUTA TAHUN LALU, KERAJAAN PERSEKUTUAN MEMBELANJAKAN LEBIH DARIPADA 1/3 IAITU SEBANYAK \$6.7 RIBU JUTA UNTUK MEMBAYAR GAJI 700,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN TERMASUK ELAUN DAN PENCEN. -- BERNAMA 2231/0M